

## Adat dalam Teromba Masyarakat Melayu di Negeri Sembilan: Satu Penelitian Teori Pengkaedahan Melayu

Nur Samsiah Mazlan\*, Mohd Firdaus Che Yaacob

Jabatan Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok, Beg Berkunci No 1, 16300 Kelantan, Malaysia.

**ABSTRAK** – Teromba sangat erat dengan kehidupan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Teromba bertunjukkan sisipan puisi tertentu seperti pantun, peribahasa dan sebagainya yang memaparkan sesuatu perkara berhubung dengan undang-undang, adat istiadat dan nilai-nilai yang diamalkan oleh masyarakat Melayu. Kajian ini dijalankan kerana para pengkaji terdahulu lebih menumpukan kajian mengenai adat perpatih Negeri Sembilan berbanding dengan kajian mengenai pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu terhadap adat dalam teromba. Kajian ini memfokuskan adat dalam teromba sebagai alat yang menjadi amalan dan budaya hidup masyarakat Negeri Sembilan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis adat dalam teromba masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Seterusnya, batasan kajian ini merujuk teks bertajuk Teromba sebagai alat komunikasi dalam kepimpinan adat pepatih, karya oleh Mohd Rosli Saludin. Di samping itu, teori pengkaedahan Melayu dijadikan sebagai deduktif kajian. Selain itu juga, reka bentuk kualitatif yang merujuk kepada kaedah kepustakaan dan teks sebagai metodologi kajian. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa adat yang terkandung dalam teromba dapat melahirkan sebuah masyarakat yang memahami dan mengamalkan adat serta berkesan terhadap pembentukan kebudayaan masyarakat Minangkabau di Negeri Sembilan. Implikasi kajian juga memperlihatkan penggunaan teromba seperti teromba adat, teromba kekeluargaan dan teromba tolong-menolong berfungsi dalam pembentukan jati diri individu dan masyarakat selaras dengan pegangan agama Islam dan kebudayaan masyarakat Melayu.

### ARTICLE HISTORY

Revised: 16 Jun 2021

Accepted: 23 Jun 2021

### KEYWORDS

Adat  
Adat Papatih  
Kesusasteran Melayu  
Masyarakat Melayu  
Teromba

*Adat Papatih*  
*Custom*  
*Folk poetry*  
*Malay literature*  
*Malay community*

## Custom in Folk Poetry of the Malay Community in Negeri Sembilan: An Observation of Teori Pengkaedahan Melayu

**ABSTRACT** – Folk poetry, or locally known as *teromba* in the Malay community, is part of the community life in Negeri Sembilan. *Teromba* has its roots in other forms of poetry such as *pantun* and proverb, which depicts stories related to the laws, traditions, customs and values as practiced by the Malay community. Previous studies have put more emphasis on investigating Negeri Sembilan's *adat pepatih* as compared to the application of the *Teori Pengkaedahan Melayu* of customs as depicted in the folk poetry. This study focuses on customs in the folk poetry as a tool, which becomes part of the practice and culture of the community in Negeri Sembilan. This study therefore aims to identify and analyse customs in the folk poetry of the Malay community in Negeri Sembilan. Specifically, this study refers to a *teromba* by Mohd Rosli Saludin entitled *Teromba (sebagai alat komunikasi dalam kepimpinan adat pepatih)*, and *Teori Pengkaedahan Melayu* was used to deduce the folk poetry. Hence, a qualitative research design was employed utilising literature and document analysis. The findings of the study revealed that the customs as depicted in *teromba* are able to create a community which can understand and effectively practice the customs and traditions. This in turns can create a society based on the culture of Minangkabau in Negeri Sembilan. The implications of the study illustrate that the use of different traits in *teromba* such as traditions, family values and attitudes could act as a mean to create individuals and society based on Islamic values and the traditions and culture of the Malay community.

## PENGENALAN

Kesusasteraan bukan sahaja mempunyai hubungan yang erat dengan masyarakat dan penulisnya malah berkait rapat dengan adat dan budaya hidup dalam masyarakat Melayu. Karya sastera juga turut membicarakan perkara yang berlaku dan terlibat dalam sesebuah masyarakat dan di samping memperhalusi adat dalam teromba dan budaya hidup masyarakat Negeri Sembilan. Teromba mempunyai sisipan puisi tertentu seperti pantun, peribahasa dan sebagainya iaitu memaparkan hal-hal yang berhubung dengan undang-undang, adat istiadat dan nilai-nilai yang diamalkan oleh masyarakat berkenaan. Menurut Mohd Rosli Saludin (2009), teromba biasanya membawa pemikiran yang tinggi iaitu ungkapanannya pula bersifat kata-kata hikmat. Selain itu, keindahan sesebuah teromba terletak pada kepelbagaian unsur bahasa yang dicernakan dengan nilai. Salasilah adat atau teromba dalam penggunaan yang sebenar diwariskan sejak turun temurun. Sebagai contoh, dalam majlis perbincangan yang beradat, istiadat meminjau, istiadat perkahwinan dan lain-lain. Teromba juga berfungsi sebagai hukum dan undang-undang adat yang mesti dipatuhi oleh masyarakat adat perpatih. Dalam hal ini, perkara tersebut dibuat bertujuan untuk kebaikan masyarakat itu sendiri agar masyarakat boleh hidup dalam keadaan aman dan damai. Teromba juga berperanan dalam kehidupan masyarakat dalam membentuk perlakuan masyarakat dalam majlis-majlis, upacara-upacara dan adat istiadat tertentu seperti perkahwinan, majlis perlantikan pemimpin adat dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji adat dalam teromba dalam masyarakat Melayu di Negeri Sembilan agar kajian ini dapat dimartabatkan dalam bidang kesusasteraan Melayu.

## SOROTAN KAJIAN LEPAS

Pengkaji menyoroti beberapa sorotan kajian lepas untuk mencipta pernyataan masalah menerusi pengkajian ini agar dapat menjawab persoalan dan objektif kajian. Pengkajian yang dijalankan oleh Noor Hayani Zulkifli (2011) memperlihatkan peranan teromba sebagai alat kawalan sosial. Kajian ini bertujuan menganalisis teromba sebagai alat kawalan sosial dalam masyarakat Melayu yang terdiri daripada kawalan dalam aspek adat, undang-undang, masyarakat dan ekonomi yang merupakan perbilangan adat yang lahir daripada amalan masyarakat Melayu terutamanya dalam adat perpatih. Selain itu, kajian ini juga menekankan pengertian teromba, peranan teromba dan mesej disebalik alat kawalan sosial. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa adat dan nasihat dalam teromba dapat memberi mesej dan pengajaran kepada masyarakat dan seterusnya membawa kepada suasana masyarakat yang hidup dalam keadaan harmoni. Teromba dapat mengajar dan mendidik masyarakatnya dalam pelbagai aspek kehidupan meliputi peraturan dalam pentadbiran, komunikasi dalam masyarakat dan keluarga.

Selain itu, Ani Haji Omar (2013) turut menjalankan kajian yang memperincikan keindahan bahasa sebagai medium pemeraksanaan masyarakat di negeri beradat. Kajian ini dijalankan bertujuan memperlihatkan keindahan bahasa dalam teromba sebagai lambang pemeraksanaan masyarakat dalam semua aspek kehidupan di negeri beradat iaitu di Negeri Sembilan. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa masyarakat yang mengamalkan adat perpatih ini telah terbukti mempunyai satu sistem yang teratur dan dipimpin dalam mencapai kebaikan bersama. Selain itu, kata perbilangan dalam adat perpatih dapat memberikan peraturan yang lengkap untuk dijadikan panduan, bimbingan dan nasihat dalam menjalani kehidupan harian sama ada dari aspek politik, ekonomi mahu pun sosial.

Seterusnya, Norhana Bakhary (2014) menerusi kajiannya yang memperlihatkan kesantunan masyarakat adat perpatih menerusi teromba. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan membincangkan strategi kesantunan dalam kata perbilangan adat perpatih yang dijadikan sebagai amalan dalam masyarakat. Data kajian diambil daripada ungkapan kata perbilangan adat yang digunakan dalam empat peristiwa perundingan adat perpatih iaitu istiadat kerja, istiadat memulih pusako, istiadat berkodim dan istiadat merisik dan meminjau. Hal ini kerana, ciri bahasa yang terdapat pada kata perbilangan adat mengandungi sisipan bahasa kiasan, pemilihan bentuk bahasa yang bersifat halus dan sopan. Hasil daripada kajian ini menunjukkan strategi kesantunan berbahasa dalam ungkapan kata dalam perbilangan adat khususnya yang digunakan dalam sesuatu peristiwa perundingan untuk menyampaikan mesej, terpancar dalam ujaran penutur yang membawa maksud tersirat. Oleh itu, penggunaan dialek atau kata berunsur tempatan berjaya membentuk kesantunan berbahasa ketika berkomunikasi disulami tatatertib dan adab untuk mengekalkan hubungan mesra, harmoni dan mewujudkan kerjasama antara peserta yang terlibat dalam sesuatu peristiwa rundingan.

Kajian lain oleh Sri Qamariah Mohd Samsir, Norizah Ardi, Noriza Daud dan Umaimah Kamarulzaman (2016) yang memperlihatkan sikap ketua adat melalui penggunaan teromba. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetengahkan sikap ketua adat terhadap teromba dan mengetahui sama ada teromba masih berperanan atau pun tidak dalam ritual masyarakat adat perpatih. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dilakukan dengan cara pemerhatian ikut serta dan temu bual mengenai sikap masyarakat terhadap teromba. Selain itu, temu bual dilakukan melibatkan seramai 8 orang ketua adat. Dapatan kajian mendapati bahawa kesemua ketua adat bersikap positif terhadap teromba. Hal ini kerana, ketua adat merupakan orang yang sangat dekat dengan teromba dan menggunakannya dalam upacara-upacara tertentu. Terdapat empat faktor yang mempengaruhi sikap mereka terhadap teromba iaitu nilai, minat, persepsi dan keberterusan warisan.

Tambahan lagi, Mohammad Fadzeli Jaafar, Idris Aman dan Norsimah Mat Awal (2017) menerusi kajian yang memperlihatkan aspek kesejajaran dalam perbilangan adat dari aspek kesusasteraan. Kajian ini membincangkan perbilangan adat, dari aspek kesusasteraan dan kebahasaan. Kajian yang dijalankan adalah lebih tertumpu pada pengkategorian perbilangan adat, iaitu teromba atau puisi. Di samping itu, kajian perbahasaan pula merujuk kepada kajian dari aspek gaya bahasa dan kesantunan. Kajian ini juga menggunakan kumpulan perbilangan adat yang disebut *Jelebu Customary Song*. Hasil kajian mendapati bahawa kesejajaran dalam perbilangan adat hanya ditemui di dalam rangkap.

Kajian ini juga telah menyumbang dari aspek bentuk dan makna kesejajaran dalam perbilangn adat dan hubungannya dalam sistem Adat Perpatih.

Di samping itu, Lily Salwani Razali dan Shaiful Bahri Md Radzi (2019) melalui pengkajian ilmiah memperlihatkan peranan puisi lisan dalam pemerksaan warisan bangsa Melayu. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kepelbagaian fungsi puisi lisan Melayu serta cara fungsi tersebut diwujudkan dalam suasana masyarakatnya yang bersifat tradisi. Kajian ini memperlihatkan masyarakat Melayu bijak dalam pengaplikasian penciptaan karya-karya puisi lisan terhadap aspek kehidupan, persekitaran melalui bentuk pola bahasa yang mudah. Selain itu, mainan kata berangkap terkandung pemikiran bangsa Melayu yang berintelekt tinggi. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa puisi Melayu yang diwujudkan dalam bahasa yang ringkas, mudah dan berdasarkan suasana serta masyarakatnya dapat membuktikan keperksaan masyarakat Melayu yang dapat membawa kepada pembentukan asas tamadun bangsa Melayu.

Akhir sekali, hasil daripada pengamatan kajian-kajian lepas, pengkaji mendapati masih terdapat kelompongan kajian mengenai adat dalam teromba masyarakat Negeri Sembilan dan belum diberi perhatian secara khusus oleh para pengkaji. Kajian yang dilakukan ini juga akan merungkai dan memberi pencerahan mengenai adat dalam teromba masyarakat Negeri Sembilan melalui pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu yang mengetengahkan nilai-nilai budaya dalam adat dan masyarakat Melayu. Justeru, melalui kajian yang diketengahkan ini, ianya wajar dilakukan bagi melunaskan kelompongan kajian mengenai adat dalam teromba masyarakat Negeri Sembilan.

## PENYATAAN MASALAH

Permasalahan kajian ini dianalisis daripada beberapa kajian lepas berkaitan teromba yang tidak mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu. Melalui analisis kajian-kajian lepas, didapati bahawa terdapat kelompongan dalam kajian-kajian lepas yang mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang. Pengkaji sebelum ini kebanyakannya hanya menfokuskan kajian adat perpatih masyarakat Negeri Sembilan. Dalam hal ini, pengkaji mendapati bahawa pengkaji-pengkaji terdahulu lebih menumpukan kajian mengenai adat perpatih Negeri Sembilan berbanding dengan kajian mengenai adat dalam teromba. Berdasarkan analisis kajian-kajian lepas juga, terdapat banyak kajian mengenai adat perpatih Negeri Sembilan. Hal ini dapat dibuktikan melalui beberapa kajian yang telah dijalankan oleh Noor Hayani Zulkifli (2011), Ani Haji Omar (2013), Norhana Bakhary (2014), Sri Qamariah Mohd Samsir et al. (2016), Mohammad Fadzeli Jaafar et al. (2017) dan Lily Salwani Razali dan Shaiful Bahri Md Radzi (2019).

Berdasarkan kajian lepas, didapati bahawa terdapat kelompongan dalam kajian mengenai adat dalam teromba secara khusus yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu. Hal ini demikian kerana, teromba sememangnya akrab dengan kebudayaan masyarakat, maka pembuktian secara khusus terhadap adat yang terkandung di dalam teromba sewajarnya didokumentasi dan dimartabatkan dalam dunia akademik, khususnya menerusi penulisan akademik sebegini. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengisi kelompongan yang ada dan membuka minda masyarakat mengenai kepentingan kajian ini.

## BATASAN KAJIAN

Dalam kajian yang dijalankan, pengkaji membataskan adat dalam teromba yang diamalkan dalam budaya masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Teromba merupakan suatu ungkapan berirama yang biasanya berkaitan dengan adat yang dijadikan sebagai panduan atau amalan dalam masyarakat Negeri Sembilan. Kajian ini juga memfokuskan kepada teks Teromba (Sebagai Alat Komunikasi dalam Adat Perpatih) karya Mohd Rosli Saludin yang diterbitkan oleh Karisma Publication pada 2009. Buku berkenaan juga mengandungi definisi teromba, sejarah teromba, ciri-ciri teromba dan lain-lain. Buku tersebut dikaji dengan lebih teliti untuk mencapai objektif yang telah dijalankan. Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang telah digunakan dalam kajian ini bagi memperkukuh lagi objektif kajian yang telah dibuat. Teori Pengkaedahan Melayu sesuai digunakan kerana banyak menekankan budaya hidup masyarakat. Oleh itu, diharapkan agar kajian ini akan menjadi lebih lengkap dan dapat mencapai objektifnya.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah reka bentuk kajian kepustakaan dan kajian teks. Pengkaji juga mendapatkan maklumat dengan merujuk bahan-bahan rujukan dan bacaan seperti buku ilmiah, tesis yang terdapat di perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Perpustakaan Awam Negeri Kelantan dan Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur (DBP). Selain itu, sumber utama dalam kajian ini adalah buku rujukan yang berkaitan dengan adat dalam teromba iaitu buku yang bertajuk Teromba (Sebagai Alat Komunikasi dalam Adat Perpatih). Buku rujukan ini digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai teori yang digunakan dalam kajian tersebut.

Seterusnya, kajian ini telah mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu. Teori ini dipilih kerana mempunyai kaitan dengan kebudayaan masyarakat Melayu yang akrab. Teori Pengkaedahan Melayu telah digagaskan oleh Hashim Awang pada tahun 1989 yang berlandaskan kebanyakan aspek kehidupan manusia yang merangkumi cara dan sikap hidup, kepercayaan dan kebudayaan setempat dalam masyarakat Melayu. Teori Pengkaedahan Melayu dibahagikan kepada dua iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan.

Pengkaedahan Alamiah yang pertama ialah pendekatan gunaan. Kewujudan objek alam yang mengandungi pelbagai manfaat, hikmat, fungsi dan kegunaan manusia atau khalayak di samping alam digunakan sebagai sumber ilham pengarang untuk diterap ke dalam sesebuah karya sastera. Sebuah karya sastera dan alam perlu saling berkaitan demi melahirkan karya yang baik dan bermanfaat untuk menyampaikan pemikiran dan falsafah kehidupan masyarakat.

Sehubungan dengan itu, kenyataan ini menegaskan bahawa perkaitan di antara manusia dan alam berperanan dalam penghasilan sesebuah karya yang baik dan menarik (Hashim Awang, 2002). Pendekatan seterusnya adalah pendekatan moral. Sastera berupa kejadian dan objek, namun kejadiannya berdasarkan Pendekatan Moral, bukan lagi berbentuk sesuatu kewujudan yang menyamai alat atau tentang peristiwa yang berlaku atau yang telah dilalui oleh manusia, sama ada memberikan kesan positif atau negatif. Pendekatan Moral bersifat pengalaman hidup manusia, iaitu pengalaman yang dilalui manusia dan maklumat yang berkaitan dengan manusia serta dunia termasuk kejiwaan, kepercayaan (agama), kebudayaan, kemasyarakatan, kebangsaan dan persekitaran yang melibatkan kekuatan ilmu pengetahuan dan daya kreativiti (Hashim Awang, 2002). Selain itu, pendekatan firasat. Sastera adalah suatu kejadian alam semesta yang memberikan dan memperkayakan pengalaman hidup. Namun pengalaman hidup ini lebih mengarah kepada pengalaman pencipta karya yang penuh dengan daya misteri. Pendekatan firasat sering dikaitkan dengan mimpi, iaitu suatu pengalaman hidup masyarakat Melayu yang sering dianggap bermakna kepada kehidupan untuk menentukan pengertian atau pencarian makna mimpi, dikenali sebagai ta'abir, iaitu proses menemukan makna menerusi tafsiran lambing atau alamat tertentu (Hashim Awang, 2002).

Seterusnya, Pengkaedahan Keagamaan yang pertama ialah pendekatan dakwah. Sastera menekankan aspek yang menyentuh segala persoalan yang berkaitan dengan kebesaran dan sifat-sifat keagungan Allah SWT dalam hasil kesusasteraan Islam. Menurut Hashim Awang (2002), sastera juga dilihat sebagai satu wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang insan terhadap Allah SWT. Sehubungan dengan itu, isi kandungan yang kaya dan sarat dengan nilai Islam mampu membuka minda masyarakat untuk terus melakukan kebaikan berlandaskan ajaran agama Islam. Seterusnya, pendekatan kemasyarakatan bertujuan untuk mencari kesejahteraan hidup bermasyarakat dan pengukuhan keimanan dan ketakwaan yang boleh diungkap dan didapati dalam sastera Melayu yang berfungsi khusus dengan membawa perutusan besar untuk mensejahterakan dan membahagiakan umat manusia tidak secara langsung meletakkan pendekatan ini sebagai 'sastera untuk masyarakat dari perspektif Islam' (Hashim Awang, 2002: 12). Di samping itu, pendekatan seni digunakan untuk meneliti nilai-nilai estetika yang ada padanya. Pendekatan ini menilai aspek unsur keindahan dalam karya sastera. Ia menjadika karya sastera sebagai persoalan pokok. Menurut Hashim Awang (2002) keindahan dalam sastera adalah keindahan yang berlandaskan dirinya kepada nilai-nilai estetika Islam dan tidak bertentangan dengan akidah serta ajaran dan fahaman agama Islam. Keindahan dapat dilihat dari aspek bentuk visual dan penggunaan gaya bahasa, manakala keindahan dalaman merujuk kepada aspek falsafah pemikiran dan mesej yang dibawa dalam sesuatu karya (Hashim Awang, 2002: 12).

## ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Pada bahagian ini, kajian ini akan menganalisis teromba adat, teromba kekeluargaan, teromba persefahaman dan tolong-menolong.

### Teromba Adat

Teromba adat merupakan adat sebenar dalam masyarakat Negeri Sembilan sangat kukuh, diikuti sebagai pegangan hidup serta adat yang merupakan peninggalan zaman berzaman. Adat juga meliputi semua aspek kehidupan masyarakat termasuk pentadbiran, hukum-hakam, pendidikan, ekonomi serta kebajikan sosial masyarakat (Rossiswandy Mohd Salleh, 2019). Teromba berperanan sebagai alat kawalan dalam aspek adat, undang-undang, masyarakat dan ekonomi yang merupakan perbilangan adat yang dipraktikkan dalam masyarakat adat perpatih.

Dalam pada itu juga, adat dalam teromba juga selari dengan hukum Islam. Hal ini demikian kerana, bukan keseluruhan adat dalam teromba akan diketepikan namun jika bercanggah dengan hukum syarak, maka adat itu dianggap tidak sah. Dalam hal ini, adat yang sesuai dengan agama dan syarak akan digunakan kerana hukum syarak sahajalah yang boleh memperkukuh adat sebenar adat selari dengan hukum Islam. Hal ini bertepatan dengan pandangan oleh Hashim Awang (2002) yang menyatakan bahawa Teori Pengkaedahan Melayu di bawah pendekatan dakwah memperlihatkan teromba sebagai wadah untuk mempertingkatkan nilai-nilai ketakwaan kepada Allah SWT. Setiap teromba yang berkaitan dengan keagamaan diibaratkan sebagai panduan yang dapat membantu insan mengenali sifat Allah serta hukum hakam yang terkandung dalam agama Islam, sekali gus menimbulkan rasa cinta terhadap agama Islam melalui kemurnian dan kelebihan agama Islam yang dipaparkan dalam karya sastera (Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud, 2017). Antara teromba adat adalah seperti petikan di bawah:

#### Petikan 1

Adat bersendi syarak  
 Syarak bersendi Kitabullah  
 Syarak mengata adat memakai  
 Apabila berdiri syarak  
 Maka gugurlah adat

(Mohd Rosli Saludin 2009: 214)

Berdasarkan petikan teromba di atas, adat yang terkandung dalam teromba biasanya berkaitan aturan tingkah laku individu seperti tatacara berpakaian, makan minum dan lain-lain. Dalam pada itu juga, kepimpinan adat perpatih termasuk dalam adat yang memperlihatkan peraturan setempat dengan kata muafakat dalam sesebuah negeri. Adat ini hanya berlaku dalam sesebuah negeri sahaja dan tidak boleh dipaksa untuk dilakukan di negeri lain (Azman Ab Rahman et al., 2017).

Antara adat yang termasuk adalah adat mengenai tatacara, syarat, upacara pelantikan penghulu, tatacara dan syarat serta upacara perkahwinan yang berlaku di setiap negeri.

Petikan tersebut bersesuaian dengan pandangan oleh Hashim Awang (2002) yang menyatakan bahawa isi kandungan teromba yang kaya dan sarat dengan nilai Islam mampu membuka minda masyarakat untuk terus melakukan kebaikan berlandaskan ajaran agama Islam dan kebudayaan masyarakat Melayu.

Selain itu, komunikasi dalam setiap majlis beradat dalam kepimpinan adat juga berperanan penting. Hal ini demikian kerana, dalam berkomunikasi bukan semua khalayak boleh memahami setiap mesej yang disampaikan. Oleh itu, dengan adanya teromba yang merupakan ragam penyampaian menjadikan teromba bertambah menarik, berkesan serta mudah untuk difahami oleh masyarakat. Akhirnya setiap mesej yang hendak disampaikan menerusi teromba dapat dijadikan panduan dalam masyarakat kerana bahasa dan mesej yang disampaikan mudah untuk difahami. Contohnya adalah seperti petikan di bawah:

#### **Petikan 2**

Tumbuh bak padi, digara  
Tumbuh bak biji disiang  
Elok dipakai  
Buruk dibuang  
Elok dipakai mengikut muafakat  
Buruk dibuang mengikut rundingan  
(Mohd Rosli Saludin, 2009:218)

Berdasarkan petikan di atas, dilihat bahawa mesej yang disampaikan adalah mengenai adat istiadat dalam kepimpinan masyarakat Negeri Sembilan yang bertujuan untuk menampung segala kemahuan anak negeri. Dalam hal ini, adat istiadat dapat menampung kemahuan, keinginan serta kehendak masyarakatnya. Terdapat dua proses terbentuknya adat istiadat. Proses pertama adalah berdasarkan usul anak negeri manakala proses yang kedua berdasarkan fenomena atau gejala yang wujud dan berkembang dalam masyarakatnya. Oleh hal yang demikian, bahasa yang digunakan dalam teromba memudahkan masyarakat untuk memahami maksud tersirat dalam teromba tersebut (Mohd Rosli Saludin, 2015). Antara terombanya adalah seperti petikan di bawah:

#### **Petikan 3**

Tumbuh bak padi, digara  
Tumbuh bak biji disiang  
Elok dipakai  
Buruk dibuang  
Bak dipakai mengikut muafakat  
Buruk dibuang mengikut rundingan  
(Mohd Rosli Saludin, 2009: 219)

Berdasarkan petikan teromba di atas, peraturan tersebut telah disimpulkan dalam bentuk teromba yang pendek, namun boleh dihuraikan secara terperinci. Seseorang mungkin tidak faham tanpa merujuk kepada orang yang arif atau terpaksa memikirkannya secara mendalam. Dalam pada itu, teromba turut memperincikan adat atau peraturan yang boleh dipinda atau dibuang sekiranya bercanggah dengan hukum agama dan syarak (Mohd Rosli Saludin, 2007). Selain itu, teromba juga banyak menggambarkan adat dan budaya masyarakat Negeri Sembilan dalam sistem demokrasi dan pembahagian pusaka. Antara terombanya adalah seperti petikan dibawah:

#### **Petikan 4**

Yang menjadi Raja kata muafakat  
Terbit pesaka di atas saka  
Laki-laki menyandang pesaka  
Perempuan yang punya pesaka  
(Mohd Rosli Saludin 2009:211)

Teromba di atas membawa maksud selain Lembaga yang disandang pusaka rakyat adalah sama taraf sahaja. Dalam hal ini, harta pusaka diberikan kepada golongan perempuan manakala pihak lelaki berperanan menyandang pusaka. Sehubungan dengan itu, kedua-dua belah pihak ini adalah saling melengkapi dalam menegakkan adat dan budaya masyarakat Negeri Sembilan. Hal ini bertepatan dengan ajaran Islam yang mana menegaskan bahawa golongan perempuan merupakan golongan yang perlu dilindungi bagi mewujudkan masyarakat yang harmoni. Isi kandungan yang dipaparkan dalam teromba juga menepati prinsip pendekatan dakwah yang mana banyak menyeru manusia untuk memperbaiki diri ke arah amal makruh nahi mungkar sebagai wadah pengukuhan akidah seseorang insan (Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud, 2017). Sistem demokrasi yang diamalkan memperlihatkan setiap perkara yang hendak dilakukan perlu dimuafatkan bersama dengan tiap-tiap ketua suku. Hal ini secara tidak langsung memperlihatkan bahawa setiap masyarakat masing-masing berhak untuk bersuara mengikut saluran yang dibenarkan manakala keputusan hasil dari muafakat adalah keputusan terakhir yang mesti diterima oleh masyarakat.

Seterusnya, melalui sistem pemerintahan adat perpatih yang berteraskan teromba juga, amalan demokrasi kedaulatan adalah terletak pada rakyat. Kepimpinan yang wujud dalam masyarakat adat perpatih merupakan kepimpinan yang berkebolehan, bertanggungjawab dan sentiasa mengambil tahu tentang ahli masyarakatnya. Ketua adat berperanan sebagai orang yang sangat dekat dengan teromba dan menggunakannya dalam upacara-upacara tertentu. Melalui teromba, adat ini menjelaskan bahawa seseorang pemimpin yang baik harus berani mempertahankan agama, adat, diri, masyarakat dan juga tanah air (Rossiswandy Mohd Salleh, 2019). Contoh teromba adalah seperti berikut:

**Petikan 5**

Menghukum adil berkata benar  
 Tidak boleh berpihak-pihak  
 Beruk dirimba disusukan  
 Anak dipangku dicampakkan  
 Hukum adil dijalankan  
 Nan benar dianjak tidak

(Mohd Rosli Saludin 2009: 217)

Teromba di atas menjelaskan bahawa teromba adat dalam pemerintahan adat perpatih menegaskan bahawa melalui kekuasaan yang ada pada seseorang pemimpin, mereka haruslah bertanggungjawab dan berani mempertahankan masyarakatnya. Seorang pemimpin juga perlu menggunakan kuasa yang ada pada dirinya ke arah kebaikan dan bukannya menindas golongan bawahan. Hal ini bersesuaian dengan ajaran Islam yang mengalakkan seorang pemimpin agar sentiasa menggunakan kuasa yang ada ke arah kebaikan dan sentiasa melindungi rakyat. Teromba memaparkan persoalan moral dan didikan ke arah pembinaan kemajuan serta budi pekerti bersama-sama semangat nasionalisme bangsa Melayu (Jumali Hj.Selamat, 2009).

Hal ini bertepatan dengan pengkaedahan keagamaan di bawah pendekatan dakwah. Dalam hal ini, sastera menekankan aspek yang menyentuh segala persoalan yang berkaitan dengan pengutaraan kebesaran dan sifat-sifat keagungan Allah SWT dalam penghasilan karya kesusasteraan. Kenyataan ini juga bertepatan dengan kenyataan yang diutarakan oleh Hashim Awang (2002) yang mana sastera juga dilihat sebagai satu wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang insan terhadap Allah SWT.

**Teromba Kekeluargaan**

Konsep kekeluargaan dalam kepimpinan adat perpatih adalah sangat penting. Konsep kekeluargaan ini telah menonjolkan nilai-nilai yang baik seperti timbang rasa, tolong menolong, persefahaman, setia, hormat menghormati serta kejujuran. Sikap timbang rasa sangat penting untuk diamalkan dalam sesebuah keluarga. Menurut Mohd Rosli Saludin (2009), hidup berkeluarga didefinisikan sebagai seseorang hidup bersama keluarga mereka dan mempunyai anak serta bertanggungjawab untuk memberikan didikan dan ilmu pengetahuan. Dalam hal ini, ilmu agama amat ditekankan pada kaum lelaki kerana mereka bakal menjadi ketua keluarga. Antara petikan teromba kekeluargaan adalah seperti dibawah:

**Petikan 6**

Yang baik bagi kita  
 Disukai pula oleh orang lain  
 Enak bagi kita  
 Enak pula bagi orang lain  
 Sakit bagi kita  
 Sakit pula bagi orang lain

(Mohd Rosli Saludin 2009: 325)

Berdasarkan teromba dia atas petikan memperlihatkan penggunaan teromba dalam kekeluargaan adalah bertujuan menonjolkan nilai-nilai moral yang dapat dijadikan panduan hidup. Dalam pada itu juga, penggunaan teromba dalam kekeluargaan juga dapat mendidik ahli keluarga sama ada berkaitan dengan adat masyarakat Negeri Sembilan serta hukum-hukum yang berkaitan keagamaan. Setiap perbuatan yang dilakukan haruslah tidak bertentangan dengan adat dan hukum-hukum keagamaan. Sehubungan dengan itu, teromba banyak menerapkan nilai-nilai estetika Islam dan tidak bertentangan dengan akidah serta ajaran dan fahaman agama Islam dalam membentuk keperibadian masyarakat. Menurut Jumali Hj. Selamat (2009), setiap manusia mahukan kesempurnaan hidup di dunia dan akhirat. Justeru, bagi mencapai kesempurnaan hidup, peraturan yang terkandung dalam teromba perlu diterapkan untuk memperbetul tingkah laku, mengatur perjalanan serta mengawal arah kehidupan dalam setiap anggota keluarga berlandaskan ajaran Islam.

Selain itu, komunikasi yang baik dalam sesebuah keluarga amat dititik beratkan dalam kehidupan seharian. Dalam hal ini, konsep kekeluargaan baik yang ditonjolkan dapat memperkukuh hubungan kekeluargaan. Konsep kekeluargaan yang baik ini dapat dilihat melalui nilai-nilai yang baik yang harus diamalkan dan menjadi panduan hidup seperti nilai timbang rasa, tolong-menolong, persefahaman, setia, hormat-menghormati serta kejujuran. Kewujudan nilai-nilai ini semakin terserlah dalam teromba dan masyarakat menjadikannya sebagai panduan utama serta rujukan dalam amalan Adat Perpatih (Mualimin Mochammad Sahid, 2018). Masyarakat Melayu sememangnya bijak dalam mengaplikasikan ciptaan karya puisi lisan terhadap aspek kehidupan dan persekitaran melalui bentuk pola bahasa yang mudah. Selain itu, mainan

kata berangkap terkandung pemikiran bangsa Melayu yang berintelek tinggi. Nilai-nilai yang baik ini perlu disemai dalam diri setiap anggota keluarga dalam masyarakat. Contoh terombanya adalah seperti berikut:

**Petikan 7**

Sekata tak beralih  
 Janji dibuat dimuliakan  
 Buruk jangan dicari  
 Musuh sama dihadap  
 Selenggang seayun  
 Berlunak sama berlumpur  
 Bak kerbau sekandang  
 Tanduk sama diasah  
 Bak burung sesangkar  
 Mengepal sekirai  
 Baka yam sereban  
 Kecil besar sama sedayung  
 Sakit satu semua berduka  
 Bak labu nan menjalar  
 Pucuk sama digetus  
 Wakaf sama dipetik  
 Ada sama mendapat  
 Cicir sama dicari  
 Untung laba sama dirasa  
 (Mohd Rosli Saludin 2009: 310)

Teromba di atas menerangkan peraturan dalam sesebuah keluarga yang mana memperlihatkan kesepakatan yang perlu diterapkan dalam setiap anggota keluarga. Melalui kesepakatan yang diamalkan, setiap pekerjaan yang dilakukan menjadi mudah dan ringan. Selain kesepakatan, muafakat juga perlu diterapkan dalam keluarga kerana menerusi muafakat, semua pekerjaan yang dibuat akan membawa keberkatan. Penggunaan teromba dalam masyarakat juga bertujuan mencapai kebaikan dan kemuafakatan dalam kalangan masyarakat agar peka kepada citra diri dan warisan negara (Jumali Hj. Selamat, 2009). Hal ini jelas membuktikan bahawa, ungkapan kata dalam teromba terkandung pemikiran bangsa Melayu yang berintelek tinggi yang diwujudkan dalam bahasa yang ringkas, mudah berdasarkan suasana serta masyarakatnya. Contohnya adalah seperti berikut:

**Petikan 8**

Kunci alam kepada raja  
 Kunci luak kepada penghulu  
 Kunci suku kepada tua  
 Kunci waris kepada pusaka  
 Kunci anak kepada buapak  
 Kunci orang semenda di tempat menda  
 Kunci bini kepada laki  
 Kunci anak kepada emak  
 Kusut menyelesaikan  
 Cicir memungut hilang mencari  
 Hutang membayar piutang menerimakan  
 Oleh tempat semenda  
 (Mohd Rosli Saludin 2007: 382)

Petikan teromba di atas menjelaskan tentang undang-undang keluarga. Undang-undang keluarga diwujudkan bertujuan untuk mewujudkan sebuah keluarga yang tersusun dan terbelas serta tidak berada dalam keadaan terbiar tanpa sebarang perlindungan. Undang-undang dalam sesebuah keluarga perlu diterapkan sehati dalam diri setiap anggota keluarga. Hal ini selari dengan nilai-nilai moral yang merupakan medium pembentukan sebuah keluarga yang bahagia.

Seterusnya, hormat-menghormati dalam keluarga juga perlu dititikberatkan dan diterapkan. Sememangnya tidak dinafikan bahawa dalam anggota keluarga ada anggota keluarga yang lebih dan ada anggota keluarga yang kurang. Sehubungan dengan itu, kelebihan dan kekurangan yang dimiliki ini telah mewujudkan jurang perbezaan antara satu sama lain. Anggota keluarga yang memiliki kelebihan seharusnya membantu anggota keluarga yang kekurangan kerana setiap kelebihan yang dimiliki harus dikongsi (Mohd Rosli Saludin, 2009). Antara contoh terombanya adalah seperti berikut:

**Petikan 9**

Dek talis tiga sepilin  
 Dek tungku tiga sejerangan  
 Usah cerdik nan menjual  
 Usah gadang nan melanda  
 Usah dek panjang akar nan melilit  
 Dek gemuk membuang lemak  
 Tukang membuang kayu  
 Kok alang baik tak usah diguna  
 Dek along tukang binasa kayu  
 Alang cerdik binasa adat  
 Alang alim rosak agama  
 Alang mengerti kacau negeri  
 (Mohd Rosli Saludin 2009: 327)

Teromba di atas memperlihatkan bahawa masyarakat Negeri Sembilan bukanlah bersifat individual malah lebih bercorak kekeluargaan. Oleh hal yang demikian, amalan kekeluargaan dalam masyarakat haruslah disemai dan nilai-nilai moral sentiasa diamalkan seperti bertolak ansur dalam keluarga. Contohnya, sebagai ahli dalam sesebuah keluarga, kita seharusnya bersama-sama dalam jatuh bangun dalam sesebuah keluarga bagi mewujudkan sebuah keluarga yang harmoni. Bertepatan dengan pandangan yang diutarakan oleh Hashim Awang (2002), pendekatan seni yang menjadikan sesebuah karya sebagai medium untuk menyampaikan mesej dan pengajaran kepada masyarakat untuk sentiasa memainkan peranan dalam mempraktikkan nilai-nilai baik dalam hubungan kekeluargaan. Pendekatan seni digunakan untuk meneliti nilai-nilai estetika yang ada pada isi kandungan dan makna yang tersirat dalam teromba serta menilai aspek unsur keindahan dalam karya sastera.

Konsep kekeluargaan juga banyak menonjolkan nilai-nilai yang baik. Sikap bertimbang rasa sangat penting dan perlu diamalkan dalam sesebuah keluarga. Hal ini demikian kerana, setiap anggota keluarga perlu memikirkan kesannya terhadap orang lain. Hal ini bertepatan dengan hukum hidup berkeluarga yang mana seseorang itu perlu menjaga keluarganya dengan baik. Setiap ketua keluarga bertanggungjawab untuk memberikan didikan dan ilmu pengetahuan terutamanya ilmu agama. Hal ini selari dengan ajaran yang ditekankan oleh agama Islam iaitu ketua keluarga merupakan pembimbing yang baik dalam membentuk sebuah keluarga yang harmoni. Keindahan nilai yang digarap dalam teromba adalah keindahan yang berlandaskan karya sastera dan nilai-nilai estetika Islam dan tidak bertentangan dengan akidah serta ajaran Islam serta boleh dijadikan rujukan kepada masyarakat (Hashim Awang, 2002). Contoh terombanya adalah seperti berikut:

**Petikan 10**

Bila mengaji dah khatam  
 Menjahit dan menekat dah pandai  
 Maka ditengok untung anak tadi  
 Dalam hari yang dua belas ini  
 Maka dengan ini  
 Ada pula risik yang berdesus  
 Ada duai yang merangkap  
 Ada gamit yang berkecapi  
 Ulur umbai yang berjawatan  
 Antara semenda dengan semenda  
 Maka bak bini  
 Dekat di kampungkan  
 Jauh sudah datang  
 Dekat sudah berkampung  
 Itulah tanda rupa  
 Cincin tanya untuk anak buah Dato'  
 (Mohd Rosli Saludin 2009:213)

Teromba di atas menjelaskan bahawa penggunaan teromba dalam kekeluargaan adalah bertujuan memberi nilai-nilai moral yang dapat dijadikan panduan hidup. Dalam pada itu, penggunaan teromba dalam kekeluargaan juga dapat mendidik ahli keluarga sama ada berkaitan dengan adat masyarakat Negeri Sembilan serta hukum-hakam yang berkaitan keagamaan dan tidak bercanggah dengan hukum keagamaan. Menurut pandangan yang diutarakan oleh Syaidul Azam Kamarudin dan Arbai'e Sujud (2017) penggunaan bahasa yang mudah difahami dan menarik dalam teromba membolehkan nilai-nilai baik dapat diserap dalam diri masyarakat dengan lebih sistematik. Nilai-nilai yang baik yang terkandung dalam teromba boleh diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat.

Hal ini bertepatan dengan Teori Pengkaedahan Melayu di bawah pendekatan seni yang mana teromba digunakan sebagai medium untuk meneliti nilai-nilai yang terkandung dalam teromba. Keindahan nilai dalam teromba adalah berlandaskan kepada nilai estetika Islam dan tidak bertentangan dengan akidah, ajaran dan fahaman agama Islam.



Keindahan dapat dilihat dari aspek bentuk visual dan penggunaan gaya bahasa, manakala keindahan dalam merujuk kepada aspek falsafah pemikiran dan mesej yang dibawa dalam sesuatu karya (Hashim Awang, 2002).

### Teromba Persefahaman dan Tolong Menolong

Masyarakat Melayu khususnya masyarakat Negeri Sembilan merupakan masyarakat yang kaya dengan adat dan budi. Sistem hidup bermasyarakat yang diamalkan sejak dahulu lagi telah membawa kepada keamanan dan kesejahteraan kepada masyarakat. Dalam pada itu juga, berdasarkan penggunaan teromba juga menjadi subjek dan identiti kepada masyarakat Negeri Sembilan untuk mengenal adat-adat yang diamalkan oleh masyarakat.

Dalam masyarakat adat perpatih, individu dan masyarakat tidak dapat dipisahkan dan mereka digalakkan memiliki sifat-sifat terpuji (Rossiswandy Mohd Salleh, 2019). Selain itu, teromba juga merupakan mainan kata berangkap terkandung pemikiran bangsa Melayu yang berintelek tinggi. Melalui penggunaan teromba kesemua adat akan sentiasa dipelihara dan dijaga oleh masyarakat Negeri Sembilan dengan baik.

Teromba merupakan alat komunikasi dalam kepimpinan adat perpatih yang mengatur supaya pengamalannya membuat sebarang keputusan haruslah dibuat berdasarkan kerapatan. Dalam kerapatan, ahli-ahli masyarakat akan membincangkan masalah, gaya dan cara untuk menyelesaikan masalah dan perkara-perkara lain yang berkaitan. Tindakan menyelesaikan masalah dalam kerapatan juga diistilahkan sebagai muafakat. Muafakat dalam teromba sentiasa mendahului sebarang aktiviti masyarakat adat kerana kemuafakatan adalah keunggulan sosial yang kudus. Kenyataan ini bertepatan dengan pendapat yang diutarakan oleh Hashim Awang (2002), yang menyatakan bahawa amalan muafakat ini bertepatan dengan pendekatan masyarakat yang menjadikan amalan ini sebagai medium merapatkan hubungan antara sesebuah masyarakat. Setiap pekerjaan yang dilakukan secara muafakat juga akan memberikan persefahaman dan hasil yang baik dalam pergaulan dalam masyarakat. Antara teromba persefahaman dan tolong-menolong adalah seperti petikan dibawah:

#### Petikan 11

Bulat air dek pemetung  
 Bulat manusia dek muafakat  
 Penghulu beraja ke muafakat  
 Muafakat beraja kepada yang benar  
 Ibu hokum muafakat  
 Ibu adat muafakat  
 Bapa adat benar

(Mohd Rosli Saludin, 2009: 213)

Berdasarkan teromba di atas, dapat dikatakan bahawa teromba dilahirkan untuk digunakan dalam kehidupan seharian masyarakat. Terdapat banyak teromba berkaitan tolong-menolong dan permuafakatan dalam kalangan masyarakat. Teromba ini memperlihatkan tatacara hidup berjiran, tolong-menolong dalam sesuatu majlis yang diadakan dan sebagainya (Mohd Rosli Saludin, 2015). Oleh hal yang demikian, penggunaan teromba secara tidak langsung memperlihatkan kekayaan budi masyarakat Negeri Sembilan yang saling bekerjasama dalam masyarakat. Interaksi antara sesebuah masyarakat adalah sangat penting kerana perkara tersebut merupakan salah satu syarat utama hidup bermasyarakat. Sehubungan dengan itu, hidup bermasyarakat hanya dapat dibentuk dengan wujudnya peraturan, tugas serta tanggungjawab yang harus dipikul secara bersama dan disempurnakan oleh setiap anggota masyarakat. Contoh terombanya adalah seperti berikut:

#### Petikan 12

Jika tanah sekeping telah dimiliki  
 Jika rumput sehelai sudah ada yang punya  
 Malu belum lagi dibahagi  
 Bulat air oleh pembuluh  
 Bulat kata oleh muafakat  
 Air melalui bambo  
 Kebenaran melalui orang

(Mohd Rosli Saludin 2009: 219)

Petikan teromba di atas memperlihatkan bahawa teromba diabadikan dalam kehidupan seharian masyarakat. Teromba mempunyai peranan dan fungsinya yang tersendiri yang mana teromba dapat menggambarkan kerjasama yang erat bagi mengekalkan perpaduan dalam masyarakat Negeri Sembilan. Teromba dilihat sebagai lambang pemerkasaan masyarakat dalam semua aspek kehidupan di negeri beradat iaitu di Negeri Sembilan. Masyarakat yang mengamalkan adat perpatih ini telah terbukti mempunyai satu sistem yang teratur dan terimpin dalam mencapai kebaikan bersama (Shamsuddin Ahmad, Kamarul Afizi, 2019). Dalam hal ini, setiap masyarakat perlu melaksanakan tanggungjawab dan setiap tanggungjawab perlu diagihkan sama rata mengikut kemampuan individu. Teromba mempunyai fungsi yang penting dalam membentuk hidup bermasyarakat dalam kalangan masyarakat Negeri Sembilan. Antara contoh teromba adalah seperti berikut:

**Petikan 13**

Tuan pada sekata  
 Berani pada seia  
 Berat sama dipikul  
 Yang ringan sama dijinjing  
 Yang tidak sama dicari  
 Sama sakit, sama senang  
 Ke bukit sama mendaki  
 Ke luaran sama menuruni  
 Sama mengayun sama melengkah  
 (Mohd Rosli Saludin 2009: 385)

Berdasarkan petikan teromba di atas, fungsi teromba dalam masyarakat yang mana teromba dapat mengatur pergaulan antara masyarakat terlihat. Dalam hal ini, teromba memperlihatkan tatacara hidup berjiran, tolong-menolong dalam sesuatu majlis yang diadakan dalam masyarakat di Negeri Sembilan. Oleh hal yang demikian, teromba ini secara tidak langsung dapat menggambarkan kekayaan budi masyarakat Negeri Sembilan yang saling bekerjasama dalam masyarakat. Kenyataan ini selari dengan pandangan yang diutarakan oleh Hashim Awang (2002) yang menyatakan bahawa nilai-nilai moral dalam penggunaan teromba dalam kalangan masyarakat dapat menggambarkan peraturan yang lengkap untuk dijadikan panduan, nasihat dan bimbingan dalam menjalani kehidupan seharian. Contoh teromba adalah seperti dibawah:

**Petikan 14**

Jika khabar baik diberitahu  
 Jika khabar buruk serentak didatangi  
 Jika jauh ingat mengingati  
 Jika dekat temu meneruni  
 (Mohd Rosli Saludin 2009: 390)

Petikan teromba di atas menggambarkan bahawa komunikasi atau tutur kata yang baik adalah sangat penting dalam hidup bermasyarakat. Hal ini demikian kerana, komunikasi dan tutur kata sangat penting untuk pergaulan dalam masyarakat. Dengan adanya komunikasi yang baik, masyarakat dapat berkomunikasi dan berhubung dengan baik dalam membentuk sesebuah masyarakat yang harmoni. Teras ketaqwaan menggerakkan teromba untuk membangkitkan persoalan tentang pemupukan rasa kemanusiaan dan kasih sayang antara manusia sama ada berlainan agama dan bangsa (Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud, 2017). Sehubungan dengan itu, komunikasi yang baik dalam sesebuah masyarakat amat dititikberatkan dalam kehidupan seharian agar menjadi medium perantaraan yang dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang harmoni.

**Petikan 15**

Seikat seperti sirih  
 Serumpun seperti serai  
 Seciap seperti ayam  
 Sedencing seperti besi  
 Malu tidak boleh diagih  
 Suku tidak boleh dianjak  
 Melompat sama parah  
 Menyerudup sama bongkok  
 Jalan sedondon  
 Selenggang seayun  
 (Mohd Rosli Saludin 2009: 394)

Petikan teromba di atas memperlihatkan bahawa interaksi antara sesebuah masyarakat adalah sangat penting kerana ianya merupakan salah satu syarat utama hidup bermasyarakat. Sesebuah masyarakat yang baik dapat dibentuk dengan wujudnya peraturan, tugas serta tanggungjawab yang harus dipikul secara bersama-sama oleh setiap masyarakat (Jumali Selamat, 2009). Dalam pada itu juga, hubungan teromba dengan masyarakat sangat erat yang mana teromba itu sendiri merupakan perantaraan dalam sistem pentadbiran.

Hal ini bertepatan dengan Teori Pengkaedahan Melayu di bawah pendekatan kemasyarakatan yang mana pendekatan ini bertujuan untuk mencari kesejahteraan hidup bermasyarakat dan pengukuhan keimanan dan ketakwaan yang boleh diungkap dan didapati dalam teromba yang berfungsi khusus dengan membawa perutusan besar untuk memberi kesejahteraan dan kebahagiaan umat manusia tidak secara langsung meletakkan pendekatan ini sebagai 'sastera untuk masyarakat dari perspektif islam. Hal ini demikian kerana, melalui teromba juga telah dinyatakan mengenai beberapa ketentuan serta cara terbaik untuk hidup bermasyarakat. Cara dan ketentuan yang telah dinyatakan ini boleh dipelajari dan seterusnya menjadi panduan hidup kepada pemimpin dan masyarakat. Teromba juga mencerminkan sistem nilai dan menggambarkan tentang perkara yang dikehendaki serta menjadi penilaian yang dilakukan oleh anggota masyarakat, Hashim Awang (2002).

## PENUTUP

Secara kesimpulannya, teromba sangat erat dengan kehidupan masyarakat Melayu khususnya masyarakat di Negeri Sembilan. Keindahan sesebuah teromba terletak pada kepelbagaian unsur bahasa yang dicernakan dengan nilai yang diwariskan turun-temurun. Teromba adat, teromba kekeluargaan dan teromba persefahaman dan tolong-menolong mempunyai sisipan puisi tertentu seperti pantun, peribahasa dan sebagainya yang mana memaparkan hal-hal yang berhubung dengan undang-undang, adat istiadat dan nilai-nilai yang diamalkan oleh masyarakat yang mengamalkan adat perpatih. Selain itu, pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan juga secara tidak langsung membuktikan ketepatan pengaplikasian terhadap teromba yang sesuai dengan masyarakat Melayu. Oleh itu, kajian ini diharap dapat membantu pengkaji menghasilkan satu kajian ilmiah yang baik yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat.

## REFERENCES

- Ani Haji Omar. (2013). Keindahan Bahasa dalam Teromba Lambang Pemerkasaan Masyarakat Negeri Beradat. *Jurnal Peradaban Melayu*, 8, 111-131.
- Azman Ab Rahman, Tengku Mansor Tengku Zainal Abidin, Lukman Abdul Mutalib, Syaryanti Hussin, Nabilah Yusof, Izawati Wook, Mohammad Zaharuddin Zakaria, Ahmad Zaki Salleh, Nawal Sholehuddin, Siti Selimah Che Hassan, Ahmad Anis Muhd Fauzi, Syed Mohd Najib Syed Omar, Che Zuhaida Saari & Nurfadhilah Che Amani. (2017). Tahap Amalan Masyarakat Terhadap Tanah Adat dan Undang-undang Tanah Adat: Kajian di Negeri Sembilan. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 5(1), 1-8.
- Hashim Awang. (2002). *Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya*. Seminar Bengkel Kajian Teori Sastra Melayu. Rivera Bay Resort, 20-23 Jun.
- Hayani Zulkifli. (2011). *Teromba Sebagai Alat Kawalan Sosial*. Doctoral Thesis. Universiti Malaysia Kelantan.
- Jumali Hj. Selamat. (2009). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dalam Menjaras Ribu Menerusi Pendekatan Dakwah. *Jurnal Personalia Pelajar*, 12(Jun 2009), 19-37.
- Lily Salwani Razali & Shaiful Bahri Md. Radzi. (2019). Puisi Lisan: Pemerkasaan Warisan Bangsa Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 234-277.
- Mohammad Fadzeli Jaafar, Idris Aman & Norsimah Mat Awal. (2017). Aspek Kesejajaran dalam Perbilang Adat berdasarkan Analisis Stilistik. *Akademika (Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities)*, 87(1), 279-290.
- Mohd Rosli Saludin. (2015). Keplbagaian dan Keunikan Adat Negeri Sembilan Memperkuat Bangsa. *Jurnal Peradaban Melayu*, 10, 1-15.
- Mohd Rosli Saludin. (2007). *Anjung Teromba*. Goal Intelligent Publication Sdn. Bhd.
- Mohd Rosli Saludin. 2009. *Teromba Sebagai Alat Komunikasi dalam Kepimpinan Adat Perpatih*. Karisma Publications.
- Mualimin Mochammad Sahid. (2018). *Adat Perpatih Berpandukan Syariah*. Fakulti Syariah dan Undang-undang. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Norhana Bakhary. (2014). Strategi kesantunan berbahasa masyarakat adat perpatih dalam kata perbilang. *Jurnal Bahasa*, 14(2), 239-271.
- Rossiswandy Mohd Salleh. (2019). *Sejarah Pengalaman Adat Perpatih di Negeri Sembilan*. Muzium Adat. Jelebu: Negeri Sembilan.
- Shamsuddin Ahmad, Kamarul Afizi Kosman & Syukri Yeoh Abdullah. (2019). Teras Adat Perpatih Negeri Sembilan Sebagai Satu Keunikan Identiti Warisan Bangsa. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 3(2), 271-278.
- Sri Qamariah Mohd Samsir, Norizah Ardi, Noriza daud & Umaimah Kamarulzaman. (2016). *Sikap Ketua Adat Terhadap Teromba*. Akademi Pengajian Bahasa, Shah Alam: Universiti Teknologi MARA.
- Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud. (2017). Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 7(2017), 47-63. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v7.513>